

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 23 OKTOBER 2013 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Abu Bakar tempelak Ahli Parlimen DAP	Utusan Malaysia
2	Program Angkasawan Negara diteruskan	Harian Metro
3	Row over astronaut mission	New Straits Times
4	TAPEM kaji tambah bantuan pendidikan	Berita Harian
5	Toilet breaks among reasons for cops losing guns	The Star
6	Pertarungan robot kecil	Kosmo
7	Malaysia perlu lebih ramai pakar robotik	Kosmo
8	Jangan mudah percaya	Harian Metro
9	Costly cybercrime fraud	The Star
10	Benih buah tahan 9 bulan	Berita Harian
11	R&D Microwell tingkat hasil pengeluaran padi, sawit	Berita Harian
12	Viva La CHE!	The Star
13	Town regarded as a sleepy hollow seeing a hive of activity	The Star
14	Cuaca diramal mendung	Berita Harian
15	Bimbang bah tiga negeri tambah buruk	Berita Harian
16	KIPSAS bakal dapat MS1900:2005	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (SIDANG DEWAN RAKYAT) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2013 (RABU)**

## Abu Bakar tempelak Ahli Parlimen DAP

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah menempelak kenyataan Ahli Parlimen DAP yang mendakwa Program Angkasawan Negara pertama merupakan program 'membazirkan wang rakyat'.

Malah, Abu Bakar mula 'naik angin' apabila **Teo Kok Seong (DAP-Rasah)** dengan biadab mempertikaikan sumbangan program itu serta menuduh angkasawan negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dijadikan alat oleh Barisan Nasional (BN) sepanjang tempoh kempen pilihan raya umum lalu.

Pertikaman lidah antara kedua-dua mereka bermula apabila Kok Seong 'memperlekehkan' jawapan lisan Abu Bakar yang dikatakan tidak menjawab soalan asalnya berhubung kos rancangan Program Angkasawan Negara kedua nanti.

"Saya sudah kata (jawab), dia (Kok Seong) tak dengar. Program Angkasawan Negara kedua, kita dalam pro-



**DR. ABU BAKAR**



**TEO KOK SEONG**

ses perancangan. Saya sudah jawab, rancangan ini akan mengambil kira pandangan daripada semua pihak termasuk orang awam, saintis, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan industri. Perincian ini sedang dalam penelitian kerajaan dan kos misi ini akan ditentukan kelak.

"Berhubung dakwaan kata program pertama membazir, saya nak terangkan sampai habis supaya dia faham, supaya dia *clear* (jelas). Dia tak faham misi dan hasilnya, saya nak beri dia faham," katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Terdahulu, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ismail Mohamed Said menegur Kok Seong yang melanggar Peraturan Mesyuarat apabila membuat celahan tanpa kebenaran.

Mengulas lanjut Abu Bakar berkata, hasil yang diperolehi daripada program angkasawan pertama dahulu terbahagi kepada lima segmen antaranya penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan 24 kertas kerja penyelidikan telah diterbitkan di jurnal dan persidangan antarabangsa.

"Kita juga berjaya mempatenkan lapan penyelidikan selain pembangunan modal insan melibatkan 99 orang pengkhususan saintifik. Jadi Rasah (Kok Seong), balik nanti baca (jawapan) supaya faham. Jangan nak popular. Semuanya telah memberi kebaikan kepada negara, sebab itu kita ada perancangan angkasawan kedua," tegasnya.

Kepada soalan asal Kok Seong yang ingin tahu perkembangan terkini Program Angkasawan Ne-

gara kedua, Abu Bakar memberitahu, pada dasarnya kerajaan ber-setuju untuk meneruskan program berkenaan yang dilihat penting dalam memastikan pembangunan keupayaan negara di sektor angkasa serta bidang berkaitan sains mikrograviti dan kerjasama antarabangsa.

"Pelancaran misi kedua tertakluk kepada peluang bagi mendapatkan giliran pelancaran yang disediakan kesatuan negara-negara pelancar. Penerimaan tawaran tersebut juga bergantung kepada faktor kedudukan ekonomi negara. Buat masa ini tarikh penghantaran angkasawan kedua belum ditetapkan.

"Walaupun demikian, kerajaan sedang berusaha membangunkan penyelidikan saintifik mikrograviti dengan kerjasama agensi-agensi angkasa seperti Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA), Russian Federal Space Agency (Roscosmos) dan European Space Agency (ESA)," katanya.

## Program Angkasawan Negara diteruskan

**Kuala Lumpur:** Program Angkasawan Negara tetap diteruskan dalam memastikan pembangunan keupayaan negara dalam sektor angkasa dan bidang berkaitan seperti sains mikro graviti, teknologi sistem sokongan hayat.

Timbalan Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, projek bersifat berkeupayaan tinggi ini memerlukan perincian teliti antaranya memberi pulangan lebih besar pada negara dalam bidang penemuan

saintifik, penjanaan ilmu baru.

"Tempoh pelaksanaan misi ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) yang diperlukan lebih panjang dan pelancaran misi angkasawan kedua tertakluk pada peluang mendapat giliran pelancaran yang disediakan kesatuan negara pelancar," katanya

Beliau berkata demikian ketika menjawab kenyataan Teo Kok Seong (DAP-Rasah) yang mendakwa Datuk Dr Abu Bakar tidak menjawab soalnya berhubung kos rancangan Program Angkasawan Negara kedua nanti.

## Row over astronaut mission

**KUALA LUMPUR:** An opposition member of parliament and Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah had a heated exchange over the National Astronaut Programme.

"The second mission depends on getting a turn determined by the association of launching countries. Whether we can accept the offer also depends on our economic situation," said Abu Bakar. **Bernama**

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT N2  
TARIKH: 23 OKTOBER 2013 (RABU)



Abu Bakar (tengah) bersama Isnin bergambar bersama penerima pada majlis penyampaian sumbangan bantuan IPT yang diadakan di SMK Kampung Gelam, Tanjung Kling. [ FOTO MOHD KHAIROL HELMY-BH ]

## TAPEM kaji tambah bantuan pendidikan

**Melaka Tengah:** Tabung Amanah Pendidikan Melaka (TAPEM) akan mengkaji cadangan menaikkan jumlah bantuan kepada pelajar di negeri ini yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Pengurus Besarnya, Isnin Aman, berkata bantuan itu membabitkan jumlah ditawarkan antara RM400 hingga

RM500 bagi pelajar di peringkat pengajian diploma, manakala ijazah, antara RM600 hingga RM700.

Katanya, ketika ini, tabung itu menyalurkan bantuan secara sekali gus sebanyak RM300 kepada pelajar di peringkat pengajian diploma manakala RM400 bagi peringkat ijazah.

"Buat masa ini, perkara berkenaan masih di peringkat ca-

dangan dan ia dijangka dibawa ke mesyuarat lembaga pengarah tidak lama lagi untuk dibincangkan.

### Yuran pengajian meningkat

"Cadangan untuk menaikkan jumlah bantuan ini dibangkitkan disebabkan yuran pengajian bagi semua IPT di seluruh negara sudah meningkat sekali gus membebankan keluarga pelajar," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan TAPEM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampung Gelam, Tanjung Kling di sini.

Seramai 479 pelajar pengajian peringkat ijazah dan 169

pelajar peringkat diploma menerima sumbangan pada majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Ahli Parlimen Kawasan Tangga Batu, Datuk Dr Abu Bakar Md Diah itu,

### Hutang pinjaman menurun

Sementara itu, dalam isu berkaitan, Isnin berkata, hutang pinjaman TAPEM juga sudah menurun susulan langkah tabung berkenaan menawarkan potongan bayaran balik pinjaman sebanyak 20 peratus.

Katanya, hutang yang membabitkan seramai 6,000 peminjam tabung itu berjumlah RM15 juta.

"Namun, apabila kerajaan negeri menerusi TAPEM memperkenalkan insentif potongan sebanyak 20 peratus membabitkan baki pinjaman semasa kepada peminjam yang bersejua membuat bayaran secara sekali gus, ia kini menurun kepada RM8 juta.

"Insentif ini dibuat selaras usaha kerajaan negeri meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik pinjaman TAPEM, selain memberi galakan peminjam menyelesaikan hutang mereka lebih awal," katanya.

TAPEM sudah menyalurkan bantuan sebanyak RM11.3 juta kepada pelajar di negeri ini bagi meneruskan pengajian, termasuk di peringkat lebih tinggi sejak 2008, membabitkan 33,617 pelajar.

## Toilet Breaks Among Reasons For Cops Losing Guns

POLICE personnel losing guns while visiting the toilet is among the reasons cited for the 44 guns going missing over the last three years.

This was revealed by Home Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who said that this was among the five reasons how the guns were lost.

He added, in a written reply to Tian Chua (PKR-Batu), that the other reasons were personnel being mugged or having it snatched, dropping them by accident, losing them in the office and having them taken when cars were broken into.

He added that seven firearms were recovered from the 44 lost between 2010 and 2012, as cited in the recent Auditor-General's Report.

Asked about the value of the missing guns and action taken against the errant cops, Ahmad Zahid said the missing guns were pistols and revolvers and the cost depended on their make and country of origin.

He added that an investigation committee had been set up by the police to look into the matter before appropriate action is taken.

"If there is evidence of negligence, the police personnel responsible can

be penalised with a surcharge or disciplinary action, or both," he said.

He also said that the police information technology department would implement a new monitoring system next month.

Tian Chua expressed dismay at Ahmad Zahid's written reply, saying such carelessness would result in imprisonment if it involved the public and called for appropriate punishment to be taken against the errant personnel.

Meanwhile, Science, Technology and Innovation Ministry Deputy Minister Datuk Abu Bakar Md Diah

said, in reply to a supplementary question from Teo Kok Seong (DAP-Rasah), that it would proceed with its second mission following the success of the first space programme.

Domestic Trade, Cooperative, and Consumerism Minister Datuk Hasan Malek, meanwhile, in his reply to Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling), said the Malaysian Competition Commission had found allegations that the Real Estate and Housing Developers' Association would increase the prices of houses by 10% following the recent petrol subsidy rationalisation as untrue.

# Pertarungan robot kecil

Pertandingan Robot Combat memberi pendedahan kepada peserta dengan teknologi robotik terkini sekali gus berpeluang menghasilkan robot combat.

Oleh **KHADIJAH MOHAMAD NOR**  
 khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

**S**UASANA di ruang legar Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 13 Oktober lalu meriah dengan sorakan para penonton yang menyaksikan Pertandingan Akhir Robot Combat Peringkat Asia Tenggara.

Di tengah-tengah gelanggang lut sinar yang dibina, kelihatan dua robot kecil bertarung mempamerkan kehebatan masing-masing melalui kemahiran peserta yang menggunakan alat kawalan jauh.

Setiap perlawanan mengambil masa tiga minit. Namun, selepas satu minit, lubang khas yang dinamakan *death pit* akan dibuka. Ia berfungsi untuk menentukan kemenangan setiap robot dengan menolak lawan mereka ke dalamnya.

Namun, jika robot gagal melakukan tugas berikut, kemenangan mereka akan dinilai melalui sifat agresif, keupayaan menyerang dan kemahiran yang ditunjukkan dalam perlawanan tersebut.

Dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Myrobotz Enterprise, Sirim Berhad dan Majlis Rekabentuk Malaysia, pertandingan tersebut berjaya menarik 72 penyertaan daripada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan empat pasukan dari Laos dan Singapura.

Secara keseluruhan, seramai 3,000 peserta telah menyertai pertandingan yang berlangsung selama enam hari itu bermula 7 hingga 13 Oktober 2013.

## Teknologi robotik

Pengarah Urusan Myrobotz Enterprise, Koh Seng Yau berkata, program tersebut diadakan sempena meraikan Tahun Dekad Inovasi 2010-2020. Ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran generasi muda dalam dunia robotik.

"Melalui pertandingan ini, setiap peserta akan didedahkan dengan teknologi robotik terkini dan berpeluang menghasilkan robot combat tersendiri melalui kerja berpasukan.

"Pelaksanaan program ini telah dikendalikan sepenuhnya secara bersama oleh para sukarelawan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Langat dan Universiti Malaya di bawah seliaan dan tunjuk ajar pihak Myrobotz dan MOSTI," ujar Seng Yau ketika ditemui *Kosmo!*

Pada pertandingan yang julung-julung ka-

li diadakan itu, pasukan DCEN dari Universiti Malaysia Perlis (Unimap) muncul juara apabila menewaskan rakan sekampus, Con-Q dalam perlawanan akhir yang penuh sengit.

Kejayaan itu membolehkan DCEN membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM20,000 beserta trofi dan sijil penghargaan manakala Con-Q pula menerima RM15,000 di samping RM5,000 kerana memenangi anugerah bagi kategori Kejuruteraan Terbaik.

Bagi kategori anugerah Rekaan Terbaik 1, ia menjadi milik pasukan Bertam 2 dari ILP Kepala Batas, Pulau Pinang manakala Rekaan Terbaik 2 diberikan kepada pasukan SCMT dari Soutska College Of Management & Technology, Laos. Masing-masing menerima RM5,000 beserta trofi dan sijil.

Bagi jurulatih pasukan Con-Q, Erdy Sulino Mohd. Muslim Tan, 29, meskipun sekadar naib juara, namun pihaknya tetap berbangga dengan kemenangan tersebut.

"Walaupun dari universiti yang sama, kami ibarat junior kepada pasukan DCEN. Kehadiran kami dalam pertandingan ini adalah untuk berkongsi teknologi yang diguna pakai bersama pasukan dari universiti lain," kata Erdy Sulino yang berhasrat untuk membawa pasukannya menyertai pertandingan robot



**KOH SENG YAU**

**PERTARUNGAN** akhir yang sengit antara robot pasukan DCEN (bawah) dan Con-Q dari Unimap.



**PESERTA** dari pasukan DCEN mengangkat robot mereka untuk dibawa ke gelanggang pertarungan.

**SETIAP** robot mempunyai kepakaran tertentu seperti menterbalikkan lawan.

**ROBOT** Cytron (tengah) bertindak sebagai robot in-house yang berfungsi mengawal pertandingan.



# SAMBUNGAN...

## KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 30

### TARIKH : 23 OKTOBER 2013 (RABU)



BARISAN pemenang pertandingan robot combat peringkat Asia Tenggara bergambar bersama Abu Bakar (duduk, tengah).



combat kategori heavy weight di United Kingdom pada April 2014.

Sebagai contoh, jika kebanyakan pasukan lain memakai banyak bateri untuk robot mereka, pasukan Con-Q hanya menggunakan satu bateri dengan kapasiti 22 voltan.

Sementara itu, Pengurus Pasukan Bertam 2 dari ILP Kepala Batas, Mohd. Zamri Zawawi, 39, mengakui pertandingan itu banyak memberi pengalaman kepada anak-anak buahnya dalam aspek kemahiran robotik.

#### Suntik semangat

"Kejayaan melangkah ke separuh akhir sudah memberi makna yang cukup besar kerana pasukan kami berhadapan lawan dari universiti terkemuka di tanah air.

"Apa yang lebih membanggakan, kami berjaya menewaskan pasukan dari Universiti Kebangsaan Singapura untuk bersaing di peringkat Asia Tenggara selain memenangi anugerah kategori Rekaan Terbaik," je-

las Mohd. Zamri sambil memberitahu, persediaan mencipta robot dilakukan dalam tempoh tiga bulan sebelum pertandingan.

Dalam pada itu, wakil pasukan Putra dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Faqhrul Azrin Fodzi, 23, memberitahu, pertandingan sebegini mampu menyuntik minat generasi muda untuk mendalami bidang kejuruteraan robotik.

"Proses mencipta sebenarnya bukan satu perkara yang mudah. Ia mengambil masa yang panjang dan memerlukan bajet yang tinggi. Melaluinya, kami berkongsi pandangan dan idea untuk mencipta robot terbaik," ungkap pelaja-

jar Ijazah Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik merangkap ahli Kelab Ro-

botik UPM itu.

Mengulas lanjut mengenai keseluruhan pertandingan tersebut, salah seorang ketua hakim dari Institution of Engineers Malaysia - Society of Ingenieur (IEM-SIR) Uniten, Kathiravun Muthaiah, 23, berkata, semua peserta menunjukkan inovasi dalam ciptaan robot masing-masing.

"Persembahan yang dipamerkan juga sangat menarik dan ini membuktikan kemampuan pelajar tempatan dalam bidang robotik yang semakin berkembang di negara ini.

"Setiap robot yang dihasilkan mempunyai keunikan tersendiri dalam pelbagai aspek. Diharap pertandingan ini menjadi platform untuk mencungkil bakat-bakat generasi muda untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa," ujar Kathiravun yang merupakan Pengerusi IEM-SIR Uniten.

Untuk maklumat lanjut mengenai pertandingan robot combat ini, layari laman web [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my) atau <http://my-competition.blogspot.com>.

PASUKAN Bertam 2 dari ILP Kepala Batas, Pulau Pinang menerima anugerah robot Rekaan Terbaik 1.

#### INFO Robot Combat

- Pertandingan Robot Combat sebelum ini hanya dipertandingkan di peringkat dalaman universiti.
- Tahun ini ia dikembangkan ke peringkat kebangsaan dan Asia Tenggara.
- Setiap pasukan disertai oleh tiga pelajar dan seorang jurulatih (pensyarah).
- Pada setiap perlawanan, hanya dua peserta/pelajar yang akan mengawal robot melalui alat kawalan jauh.
- Semua pasukan akan dibahagikan kepada empat kumpulan.
- Setiap kumpulan mempunyai empat pasukan dan akan berlawan untuk tiga pusingan.
- Hanya satu pasukan daripada daripada setiap kumpulan akan layak ke peringkat Asia Tenggara.



ERDY SULINO



MOHD. ZAMRI



FAQHRUL AZRIN



KATHIRAVUN



# Malaysia perlu lebih ramai pakar robotik



PASUKAN DCEN muncul juara sekali gus membawa pulang wang tunai bernilai RM20,000.

PERTANDINGAN Robot Combat anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini adalah selaras dengan usaha untuk menanamkan minat para pelajar dalam sains dan teknologi di samping membolehkan kementerian mengukur kemajuan para pelajar dalam bidang tersebut.

Menurut Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, melalui program ini juga, pengetahuan dan kemahiran asas yang diperoleh para peserta dapat membantu mereka menyediakan diri untuk menguasai teknologi dalam zaman serba.canggih ini.

"Pada abad akan datang, Malaysia amat memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang mahir dan terlatih kerana ekonomi negara telah pun memasuki zaman teknologi termaju termasuk teknologi robotik.

"Justeru, untuk menjadi sebuah negara

maju pada tahun 2020, kita tidak boleh hanya meniru dan menerima gaya kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara maju. Sebaliknya, negara perlu turut menjadi pencipta dan penyumbang

kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi dunia masa hadapan," ujar beliau ketika berucap sewaktu merasmikan pertandingan tersebut.



ABU BAKAR

Tambah Abu Bakar, Malaysia perlu mewujudkan masyarakat yang mempunyai budaya mencipta agar teknologi ciptaan rakyat tempatan boleh menembusi pasaran antarabangsa satu hari kelak.

"Generasi muda masa kini terutama golongan pelajar mesti meningkatkan kecekapan teknikal, berdaya kreatif, berdisiplin dan mementingkan kualiti untuk menjadi pencetus budaya reka cipta dan inovasi berasaskan teknologi robotik," tegasnya

# Jangan mudah percaya

## Khobar angin perlu dibuktikan sebelum disebar



BERITA IT

Oleh Afiq Hanif

afiq\_hanif@media-  
prima.com.my

**H**entikan penyebaran khabar angin dan segera laporkan kepada pihak berkuasa jika dengar khabar mengenai pencerobohan laman web tertentu kepada pihak berkuasa, gesa Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity), Dr Amirudin Abdul Wahab. Amirudin berkata, orang ramai dinasihat tidak menyebarkan khabar angin yang belum tentu kesahihannya, sekali gus mendatangkan kebimbangan kepada masyarakat.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab penyebaran khabar angin di laman sosial mengandungi mesej yang me-

maklumkan penggodam dari Pakistan akan cuba mencero boh akaun pemegang menggunakan laman Maybank2u dan mencuri data selepas berjaya mencero boh laman Google.com.my.

“Penyebaran berleluasa khabar angin mengenai isu keselamatan perbankan Internet di laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Whatsapp adalah tidak benar,” katanya menjawab pertanyaan IT@Metro mengenai penyebaran mesej terbabit.

Cybersecurity adalah agensi keselamatan ‘online’ rasmi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Kami ingin menasihatkan orang ramai khususnya pengguna Internet supaya berhati-hati dan tidak mempercayai atau terpengaruh dengan mesej yang dihantar melalui Whatsapp atau Facebook.

“Pengguna Internet disarankan mengambil inisiatif untuk mengesahkan kesahihan mesej yang diteri-



**AMIRUDIN** nasihat orang ramai sahkan maklumat dengan pihak berkuasa.

ma dengan pihak berkuasa bagi memastikannya ia boleh dipercayai.

Sementara itu, Malayan Banking Bhd (Maybank) menafikan laman perbankan Internetnya, Maybank2u menjadi sasaran penggodam seperti yang disebar di beberapa laman dan mesej digital seperti Facebook dan Whatsapp.

Syarikat perbankan terbesar Malaysia itu memaklumkan laman Maybank2u masih selamat

untuk dilayari oleh pelanggan.

“Kami boleh sahkan Maybank2u selamat dan di bawah seliaan keselamatan yang ketat,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di laman sosial Maybank.

Pengguna Internet dinasihatkan melaporkan sebarang aktiviti meragukan terus melalui saluran digunakan termasuk Pusat Bantuan Cyber 999 (Cyber Help Centre) yang membantu dan amat berguna buat mereka berhadapan dengan isu berkaitan keselamatan siber.

Perkhidmatan diberikan bukan saja membantu mengendalikan insiden keselamatan siber dengan membuat analisa, tetapi juga menentukan jenis masalah dialami pengguna.

Pusat bantuan ini juga bertindak mengenal pasti sama ada insiden dilaporkan berciri buli, kecurian identiti, penipuan, pencerobohan dan sebagainya.

# Costly cybercrime fraud

Value this year expected to surpass 2012's RM1.1bil

By SHARIDAN M. ALI  
sharidan@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Cybercrime involving fraud is at an alarming state with the value of cybercrime this year expected to surpass the RM1.1bil recorded in 2012.

Cyber Security Malaysia chief technology officer Dr Solahuddin Shamsuddin said cybercrime had reached RM1bil in the first six months of the year.

"The fraud cases mostly involved criminals 'fishing' individuals to give out their banking details," he told *StarBiz* after delivering his keynote address at the 4th International Cyber and Economic Crime Conference organised by CSI World Headquarters and jointly organised by ICFE Group of Companies.

Elaborating on the modus operandi, he said the criminals would usually try to direct individuals to a fake website especially the ones that they had created to realistically mimic banking sites.

"The victims are mostly individuals that believe that the link provided in their e-mails will direct them to the real banking sites.

"To avoid this, people in general must be aware and more suspicious of e-mails requesting banking details and so on," he said.

On the security side, Solahuddin said an Internet banking taskforce has been set up, consisting, Malaysian police, Malaysian Communications and Multimedia Commission and Cyber Security Malaysia.

"Actually, to fight this type of cyber-crime is simple - just increase the awareness of people to more careful and vigilant in following the links sent to their e-mail accounts.

"If you receive a suspicious e-mail, never try to click on the link provided. On the other hand, the public should go to their banking sites independently by typing website address themselves.

"They could also click on the padlock icon on the browser to ensure the certificates and domain address really belong to the bank," he

said.

Solahuddin cautioned that this problem, if not tackled, would affect the image of the country with foreign investors.

"Besides increasing awareness, the public are also encouraged to visit SAFE portal (Security Awareness for Everyone) so that they would not be duped into releasing their banking details to these criminals."

On economic crimes from a global perspective, FICA managing director Asia compliance Singapore Rohan Bedi said there was a lot of money involved in shadow economy.

A shadow economy is defined as a black market or underground economy in which goods or services are traded illegally.

"For example, the shadow economy made up one-fifth of European Union GDP in 2012.

"From this two-thirds was contributed by undeclared work and the remaining one-third was from under-reporting profits of business," he said in his presentation during the conference.

PERSIDANGAN BIOTEKNOLOGI DAN BIOEKONOMI ASIA PASIFIK 2013

# Benih buah tahan 9 bulan

» *Pembiakan pisang, nanas guna teknologi tisu kultur*

Oleh Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail  
smohd@bh.com.my

✦ Johor Bahru

**P**engunjung persidangan Bioteknologi dan Bioekonomi Asia Pasifik 2013 di sini, semalam, tertarik melihat benih tanaman seperti pisang dan nanas dalam botol kecil yang dibiakkan melalui teknologi tisu kultur.

Menggunakan teknologi itu, benih pokok pisang dan nanas berupaya bertahan sehingga sembilan bulan dengan nutrien yang cukup sebelum disemai dalam beg poli.

## **Tumbesar seimbang**

Pengurus Teknikal Kedah BioResources Corporation Sdn Bhd, Zaiton Abu Baidah, berkata penggunaan kaedah itu memudahkan petani mendapatkan hasil dan tumbesaran pokok yang seimbang serta buah lebih besar.

Katanya, pokok dihasilkan menggunakan kaedah itu lebih tahan kerana bebas virus yang menyebabkan kerosa-



Kakitangan Kedah BioResources Corporation, Hernani Muhammad (kiri) **memberi penerangan mengenai hasil penyelidikan** kepada pelajar Universiti Malaysia Pahang pada Seminar BioMalaysia dan BioEconomy Asia Pacific 2013 di Persada, Johor Bahru, semalam.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

kan pokok.

"Menggunakan kaedah ini, petani dapat mengutip hasil dalam tempoh sama kerana ia akan membesar dan masak secara seragam, selain rasanya sama.

"Selain nanas dan pisang, syarikat ini juga menghasilkan pelbagai benih tanaman menggunakan teknologi tisu kultur seperti misai kucing, kacip Fatimah, hempedu bumi, mas cotek dan betik," katanya.

Zaiton berkata, syarikat itu yang beroperasi hampir tiga tahun sudah mengkomersial-

“**Menggunakan kaedah ini, petani mengutip hasil dalam tempoh sama kerana ia akan membesar dan masak secara seragam, selain rasanya sama**”

**Zaiton Abu Baidah,**  
Pengurus Teknikal Kedah  
BioResources Corporation Sdn  
Bhd

kan pelbagai benih tanaman dengan mendapat tempahan Jabatan Pertanian Kedah dan usahawan kecil dan sederhana (PKS).

## **Produk bioteknologi**

"Kini syarikat banyak mengetengahkan produk dihasilkan di sebelah utara dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCLIA), rakan industri dan ahli akademik.

"Kita berharap penyertaan dalam persidangan ini dapat mengetengahkan produk bioteknologi tumbuhan dan perkhidmatan disediakan," katanya.

## R&D Microwell tingkat hasil pengeluaran padi, sawit

**Microwell** Bio Solutions Sdn Bhd, anak syarikat Johor Corporation (JCorp) sedang melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berskala besar bagi membantu meningkatkan hasil pengeluaran tanaman padi dan sawit di negara ini.

Ketua Pegawai Teknikal, Md Nasaruddin Abdullah, berkata R&D itu yang dilaksanakan mulai tahun ini hingga 2015 antaranya memberi fokus dalam pemulihan dan pembaikan tanah berasaskan bioteknologi.

### Hasil baja bio

"Terbaru, kita menghasilkan Groagro iaitu baja bio yang bertindak membantu meningkatkan hasil padi dan sawit serta tanaman lain yang mana ia terbahagi kepada empat iaitu Groagro 1, 2, 3 dan 4.

"Produk ini sangat baik untuk membantu petani mengusahakan tanaman mereka lebih-lebih lagi ia dihasilkan menggunakan bioteknologi dan hasil kajian yang dilakukan, ia mampu meningkatkan hasil pengeluaran antara satu hingga tiga tan bagi setiap hektar kawasan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada **Persidangan dan Pameran BioMalaysia & Bioeconomy Asia Pasifik 2013** di Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA di Johor Bahru, kelmarin.



Md Nasaruddin

### Tanah kurang subur

Mengulas lanjut, Md Nasaruddin berkata, penanaman padi termasuk di Malaysia sering mengalami masalah terutama memabitkan tanah yang kurang subur akibat kemerosotan oksigen, bakteria dan pelbagai penyebab lain manakala sawit

akibat serangan makhluk perosak.

"R&D yang dilaksanakan ini boleh membantu mengatasi masalah terbabit, malah produk yang dihasilkan juga boleh didapati pada harga yang murah dan mengikut piawaian yang ditetapkan berbanding baja diimport.

### Bantu hasil tanaman bermutu

"(Bagi) penanaman padi, tanah yang subur membantu menghasilkan tanaman yang bermutu dan tahan lama. Kita turut bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhubung perkara ini," katanya.

Bergerak ke hadapan, Microwell bertujuan menawarkan khidmat selain membekalkan rumusan penyelesaian yang tepat kepada masalah industri, terutama memabitkan komoditi.

Produk Groagro juga mendapat permintaan daripada negara pengeluar sawit seperti Indonesia kerana kita sudah terbukti produk berkenaan mampu membantu meningkatkan pengeluaran komoditi.

BERNAMA

By ZAZALI MUSA  
zaza@thestar.com.my

# Viva La CHE!

## Johor company bags RM1.97bil contract

**JOHOR BARU:** Johor Baru-based CHE Group of Companies has clinched a RM1.97bil (US\$620mil) contract to undertake the design, engineering work and commissioning of 20 rice husk biomass plants in the southwestern part of Vietnam.

The biomass pre-treatment and power generation company beat contenders from China and Singapore who were also eyeing the lucrative contract.

Business director Chong Che Chek said the contract also involved the supply of related equipment for power generation at all plants.

"The plants will be installed in four phases over five years with the engineering work of the first plant to start by year-end," he said in an interview with *StarBiz* on Tuesday.

Chong said the plants - each with 10MW capacity - will be located in six provinces namely Dong Phap, Hau Giang, An Giang, Can Tho, Kiew Giang and Soe Trang.

He said the company would collaborate with Hau Giang Power Plant Joint Stock Company from Vietnam to supply 200MW of electricity using the rice husk biomass.

CHE Group of Companies and Hau Giang Power Plant would sign a memorandum of agreement today at the **BioMalaysia and BioEconomy Asia Pacific 2013** at Persada Johor International Convention Centre.

"This is the first of its kind power plant to be built in Vietnam and one of its unique features is the ability to produce non-hazardous high quality ashes," said Chong.

Meanwhile, managing director Chang Khong Keong said that the non-hazardous ashes could be turned into cement substitute and silica fume for the semi-conductor industries.

He said although rice husks were easily available in Vietnam, many investors were not keen to invest into such biomass plants due to the low feed in tariff in comparison to countries like Malaysia, Cambodia, Thailand and the Philippines.

Chang said as a result, the local environment has become more polluted as the rice husks were currently disposed of in an environmental "unfriendly" manner including open burning.



Chong (in the middle) says the plants will be installed in four phases over five years. With him are Chang (left) and general manager Cheong Mun Sang.

"The Vietnamese Government is now providing incentives by improving the feed tariff to encourage investors to seriously consider biomass power generation projects," he said.

Chang said after Vietnam, the company would expand to Cambodia with six rice husk biomass plants there followed and Myanmar as both countries offered good prospects in the renewable energy sector.

He added several parties in Indonesia and the Philippines had also approached the

company expressing their interest to collaborate in the rice husk biomass plant project.

Chang said upon strengthening and developing its position as the leading player in the renewable energy sector in the region, it planned to list the company on Bursa Malaysia probably in 2017.

CHE Group of Companies started in 1991, providing engineering and processing equipment manufacturing to industries and in 2006, it decided to venture into the renewable energy sector.

## Town regarded as a sleepy hollow seeing a hive of activity

**YAN:** Not much attention was given to the small town of Sungai Limau here during the last general election.

Now, the area, regarded as a sleepy hollow even during the excitement of the GE13 in May, is seeing a hive of activity as Barisan Nasional and the Pakatan Rakyat members are converging here to win the support of voters for the state constituency by-election.

Houseowners are renting out rooms, of which rates have jumped from an average of RM800 per month about two months ago to RM2,000.

Operators of stalls and small restaurants are enjoying brisk business after large numbers of customers from out of state began flocking to the area.

There are no banks or even ATMs in the constituency, which covers 143.78 sq km.

The by-election on Nov 4 follows the death of its assemblyman and former Menteri Besar Tan Sri Azizan Abdul Razak on Sept 26.

The semi-rural constituency located 17km to the south of Alor Setar, appears to be vibrant with political activity days even before the nomination day today, to be held at Dewan Dato' Madi here.

The by-election would involve 27,222 voters, with the Malays making up 25,323 (or 93%) of the electorate. There are 1,842 Chinese voters, 15 Indians and 42 voters of other ethnic groups.

Azizan had managed to win the seat for five consecutive terms although the population there did not see much development in the area.

Unemployment is a major problem among the younger voters, who make up more than 40% of the electorate.

Issues of national interest may not reso-



**Pressure is on:** Dr Ahmad Sohaimi (left) will face Mohd Azam in the Sungai Limau by-election.

nate in Sungai Limau as the farming and fishing community, that make up the majority of the constituency, are more interested in getting more agricultural subsidies as personal concerns are over bread and butter issues.

Although the Chinese community only makes up 6.7% of the electorate, their views cannot be ignored as they have the power to create a swing vote.

Pakatan Rakyat is going all out to defend the seat, regarded as an Opposition stronghold, while the Barisan wants to win as Sungai Limau is the only state seat under the Jerai parliamentary seat that is not under its control.

In the 13th general election, Barisan won the Jerai parliamentary seat as well as Guar Chempedak and Gurun state seats.

PAS is fielding its Jerai Youth chief Mohd Azam Samat, 37, while Barisan is fielding Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) lecturer Dr Ahmad Sohaimi Lazim, 52.

Meanwhile, a spokesman for the Malaysian Meteorological Department said rain was expected in the afternoon today.

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 7  
TARIKH: 23 OKTOBER 2013 (RABU)**

## **Cuaca diramal mendung**

**Yan:** Cuaca mendung diramal pagi hari penamaan calon pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau hari ini.

Jurucakap Jabatan Meteorologi ketika dihubungi, berkata hujan sementara diramal pada waktu petang.

Sehubungan itu, orang ramai yang mahu keluar rumah terutama berhampiran tempat penamaan calon dinasihatkan berhati-hati dengan perubahan cuaca.

**BERNAMA**



1,137  
orang

mangsa banjir masih  
berlindung di enam pusat  
pemindahan di Perak



692  
orang

mangsa banjir  
masih berlindung  
di 10 pusat pemindahan  
di Kedah



Dzayah Salleh, (kanan) bersama cucunya Mohd Haikal Mohd Khadir, mengharung air banjir yang memasuki rumah mereka di Kampong Pondok Hampar, Pendang. [FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

## Bimbang bah tiga negeri tambah buruk

» Peralihan Monsun Barat Daya kepada Timur Laut bawa hujan lebat

Oleh Nahar Tajri, Nurhayati Abillah, Maria Uffa Zulkafeli, Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi dan Zulfa Mohamad  
bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Lebih 2,000 mangsa banjir, masih berlindung di pusat pemindahan sekitar Perak, Kedah dan Pulau Pinang, yang dilanda bencana alam itu sejak dua hari lalu.

Walaupun cuaca cerah di utara Semenanjung membantu pemulihan paras banjir semalam, namun ramai mangsa tidak dapat pulang kerana kawasan rumah masing-masing masih ditenggelami air.

Bencana alam itu juga dikhuatiri kembali buruk kerana hujan lebat secara berterusan dijangka melanda, susulan musim peralihan Monsun Barat Daya kepada Timur Laut, yang mengambil masa sebulan mulai 16 Oktober lalu.

Pengarah Pusat Ramalan Cuaca

Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah, berkata situasi itu memerlukan penduduk kawasan berisiko banjir, berwaspada kerana beberapa daerah dijangka mengalami hujan lebat dari petang hingga malam.

Ramai masih berlindung

Walaupun paras banjir di Perak semakin surut, namun seramai 1,137 mangsa membabitkan 290 keluarga masih berlindung di enam pusat pemindahan sekitar Manjung, Larut Matang dan Selama (LMS), petang semalam.

Portal Majlis Keselamatan Negara melaporkan, jumlah mangsa mulai berkurangan berbanding pagi semalam, 1,239 mangsa dipindahkan berlindung pada 12 pusat pemindahan di dua daerah itu.

Pusat pemindahan yang masih dibuka di LMS ialah Sekolah Kebangsaan Batu Hampar dan Dewan Orang Ramai Padang Serai Dalam.

“Situasi itu memerlukan penduduk kawasan berisiko banjir, berwaspada kerana beberapa daerah dijangka mengalami hujan lebat dari petang hingga malam”

Muhammad Helmi Abdullah, Pengarah Pusat Ramalan Cuaca Jabatan Meteorologi



Pegawai kesihatan memeriksa Rizqi Kairul Nizat, yang diserang demam di Pusat Pemindahan Banjir di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah.



Seorang penduduk membersihkan rumahnya selepas dilanda banjir di Kampung Lebuh Banting, Tasek Gelugor. [FOTO ASMAN IBRAHIM/BH]



# KIPSAS bakal dapat MS1900:2005



Yahya (empat dari kiri) bersama sebahagian daripada 11 pensyarah yang menduduki Jawatankuasa Penasihat Syariah KIPSAS selepas melancarkan Program Nilai Murni Sistem Pengurusan Kualiti di Dewan Utama kolej berkenaan.

[FOTO AINAL MARHATON ABD GHANI/BH]

**Kuantan:** Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) bakal menjadi kolej pertama di negara ini memperoleh sijil pengurusan kualiti berlandaskan syariah.

Presidennya, Datuk Yahya Zainal Abidin berkata, sijil pengurusan kualiti MS1900:2005 yang dikeluarkan SIRIM Bhd itu memberi fokus kepada tiga nilai murni iaitu ta'allum (mencari ilmu pengetahuan), tazakur (saling ingat mengingati) dan ta'awun (budaya tolong menolong).

Beliau berkata, elemen diperkenalkan Jawatankuasa Penasihat Syariah itu bertepatan dengan kedudukan KIPSAS yang memberi tumpuan kepada proses pembelajaran dan

pengajaran (P&P) serta penyelidikan berlandaskan Islam.

Selain itu, katanya, pelaksanaan juga bertepatan dengan persiapan KIPSAS sebelum dinaik taraf sebagai kolej universiti tahun depan.

"Penerapan nilai murni ini adalah 'enjin pencari' bagi meningkatkan lagi tahap sistem pengurusan dan pentadbiran kolej.

"Saya yakin, pensyarah dan kakitangan kolej dapat melaksanakan apa yang dirancang ini bagi merealisasikan impian lahir sebagai kolej universiti Islam bertaraf dunia," katanya berucap pada Perhimpunan Ke Arah Perkhidmatan Cemerlang dan Cintai Negara Kita serta Pelancaran Nilai Murni

Sistem Pengurusan Kualiti di Dewan Utama KIPSAS di sini, semalam.

## Milik kerajaan negeri

KIPSAS yang juga milik penuh kerajaan negeri mula dibuka pada 1996 dan ketika ini memiliki 1,350 pelajar, 78 pensyarah dan 61 kakitangan.

Yahya berkata, mereka menyasarkan untuk memperoleh sijil itu awal tahun depan, sekali gus diguna pakai secara menyeluruh termasuk pelajar supaya dapat melahirkan modal insan lebih berwibawa dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

Sementara itu, Ketua Jawatankuasa Penasihat Syariah KIPSAS, Hasiah Mat Salleh ber-

“  
Jawatankuasa penasihat komited membawa KIPSAS ke arah pematuhan undang-undang syariah, menyebabkan kami mengadakan perbincangan mengenai isu kritikal syariah yang wujud di setiap jabatan”

**Yahya Zainal Abidin,**  
Presiden Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

kata, seramai 11 pensyarah menduduki jawatankuasa berkenaan bagi memastikan apa yang dirancang dipraktikkan secara berterusan.

"Jawatankuasa penasihat komited membawa KIPSAS ke arah pematuhan undang-undang syariah, menyebabkan kami mengadakan perbincangan mengenai isu kritikal syariah yang wujud di setiap jabatan.

"Hasil pengamatan sejak November tahun lalu, kami memutuskan tiga elemen berkenaan sesuai dipraktikkan dalam melaksanakan tugas di bahagian pengurusan dan pentadbiran kolej, sekali gus meningkatkan keyakinan mendapatkan pensijilan ISO daripada SIRIM Disember ini," katanya.